

09/01/2003

Jangan perbesarkan isu poligami: Dr Mahathir

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan semua pihak supaya tidak memperbesarkan isu poligami sehingga kerajaan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pakar dalam bidang agama dan perundangan.

Perdana Menteri berkata, perbincangan dengan pakar berkenaan penting sebelum sebarang kenyataan susulan dibuat mengenai perkara itu.

"Kita fikir eloklah kita tak bincang banyak sangat, tetapi kita akan ada perbincangan bersama pakar dalam bidang agama dan undang-undang.

"Lepas itu baru kita boleh buat kenyataan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan demonstrasi hoverkraf yang direka bentuk pereka tempatan, Amrul Nizar Anuar dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kelab Tasik Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas polemik isu poligami yang tercetus berikutan keputusan Perlis membenarkan suami berkahwin tanpa memerlukan kebenaran isteri pertama.

Kelonggaran itu dibantah beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita serta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang berpendapat poligami bukan satu penyelesaian bijak bagi mengatasi masalah perkahwinan sorok atau pernikahan di Thailand.

Difahamkan, isu poligami turut dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Ditanya sama ada beliau bersetuju dengan keputusan kerajaan Perlis, Perdana Menteri berkata: "Soal saya setuju atau tidak, tak bangkit. Saya kena kaji dulu."

Mengenai hoverkraf itu, Dr Mahathir yang turut mencubanya selama 10 minit, berkata kenderaan air itu sangat menarik dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuk menyelamatkan.

"Saya amat gembira kerana pihak Jepun ingin berkongsi teknologi ini. Malaysia boleh menjadi pengeluar hoverkraf yang baik dan ia juga lebih murah untuk dikeluarkan di sini," katanya.

Sementara itu, Amrul yang juga Pengarah Urusan AF dot Engineering Sdn Bhd (AFE), berkata AFE adalah syarikat tempatan yang menerima hak eksklusif mengeluarkan hoverkraf penyelamat melalui kerjasama pemindahan teknologi dengan sebuah syarikat Jepun.

Amrul, 30, berkata melalui kerjasama pemindahan teknologi yang dijalankan dengan UTM itu, syarikatnya diberi hak eksklusif oleh Nihon Hovercraft Manufacture Corporation untuk mengeluarkan dan memasarkan kenderaan itu ke seluruh dunia, kecuali Jepun.

Beliau yang berkelulusan ijazah sarjana muda kejuruteraan mekanikal daripada universiti di Jepun, berkata minatnya menceburi bidang reka cipta mesin kejuruteraan itu bagi membuktikan kejayaan Dasar Pandang ke Timur yang dilaksanakan kerajaan.

Katanya, sebelum membuka syarikat sendiri, beliau adalah juruterbang dengan syarikat Penerbangan Singapura (SIA) tetapi berhenti kerana ingin menjalankan perniagaan.

Amrul berkata, hoverkraf yang dikeluarkan syarikatnya mampu mengundur di samping boleh direka mengikut kehendak dan spesifikasi pelanggan.